Jabatan Alam Sekitar

BERITA SEMASA

# JAS serius tangani pencemaran di Ulu Sungai Johor

Muzamir Ismail • 3 weeks ago 172 1 minute read

KOTA TINGGI – Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertindak pantas menjalankan siasatan dan penguatkuasaan susulan insiden pencemaran air di Ulu Sungai Johor pada 31 Oktober lalu, dipercayai berpunca daripada aktiviti perlombongan pasir di kawasan berkenaan.

Ketahui lebih lanjut Peralatan Motocross Produk P
Kolum pendapat penulis Pakaian Fesyen Muslimah
Liputan automotif teknologi Peralatan Rumah Bot
Peralatan Kamera Fotografi Analisis ekonomi

JAS berkata, siasatan awal mendapati kerosakan benteng silt pond di tapak perlombongan menyebabkan aliran air berlumpur memasuki sungai sehingga mencemarkan sumber air utama tersebut.

"Pasukan kami menjalankan siasatan segera pada jam 11 pagi dan mendapati air sedimen telah mengalir secara graviti ke Sungai Johor.

"Pihak syarikat telah mengambil langkah awal menambak semula benteng serta menaikkan paras silt pond bagi menghentikan aliran lumpur," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ketahui lebih lanjut Langganan Berita Digital Berita
Kursus Kewangan Peribadi Peralatan Sukan Akse
Berita semasa harian Pakej Pelancongan Sabah Ak
Video berita eksklusif Jersi Pasukan Sul

Walaupun operasi perlombongan tidak tertakluk kepada penilaian kesan alam sekitar (EIA) kerana berkeluasan kurang 20 hektar, tindakan undang-undang tetap dikenakan.

Related Articles



**Tempoh gangguan operasi tren KTMB akibat insiden curi kabel lebih 30 hari**

36 minutes ago




**TikTok, Content Forum dan MCMC lancar panduan #ThinkTwice tingkat keselamatan digital remaja**

2 hours ago

"Field Citation (FC) dikeluarkan kepada syarikat Hiap Aik Evergreen Sdn Bhd yang diarahkan mengemukakan laporan terperinci mengenai pembaikan benteng pecah.

Ketahui lebih lanjut Akses artikel premium Langgan
Berita hiburan terkini Berita politik Malaysia Kolur
Berita terkini sukan Pendidikan Buku Sastera Se
Berita Malaysia Tribune

'Syarikat terbabit juga diwajibkan melakukan pemantauan rapi terhadap semua silt pond di kawasan operasi.

"Pemantauan bersama beberapa agensi termasuk Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta Ranhill SAJ bagi memastikan kawalan

operasi air dan tindakan pembetulan dilaksanakan sepenuhnya," katanya lagi.

Ketahui lebih lanjut
Berita politik Malaysia
PU
Iklan perniagaan tempatan
Produk Penjagaan Kulit
Pa
Galeri foto berita
Kursus Seni Bela Diri
Pake
Berita Malaysia Tribune
Video berita eksk

JAS turut berkata, pemantauan kualiti air dilakukan secara berterusan bagi memastikan tiada gangguan terhadap bekalan air serta operasi loji rawatan di kawasan terlibat.

"Pengusaha industri diingatkan supaya sentiasa memastikan kawalan pencemaran dilakukan secara menyeluruh, terutama pada musim hujan yang berisiko menyebabkan hakisan dan pelepasan sedimen.

Ketahui lebih lanjut
Peralatan Rumah Bot
Inisiatif k
Berita agama semasa
Tudung Premium
Pakej Pe
Buku Sastera
Peralatan Motocross
Pakaian Fe
Pelayaran Halal Antarabangsa
Pendidik

"Tindakan tegas menanti mana-mana pihak yang didapati mencemar alam sekitar mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara lima tahun," katanya lagi.

Jabatan itu memastikan pemantauan susulan diteruskan bagi menjamin kelestarian sungai dan kesejahteraan masyarakat setempat, sambil menyeru kerjasama semua pihak dalam memelihara alam sekitar demi kepentingan rakyat.

Ketahui lebih lanjut
Buku Sastera
Tiket Piala Asia
PUTRAJAYA
Seminar Pemasaran Digital
Langga
Kursus Seni Bela Diri
Berita agama semasa
Berita a
Peralatan Rumah Bot

Tags
jas
kota tinggi
pencemaran
pilihan
serius
tangani
Ulu Sungai Johor